

Program Daya Kerjaya TVET - Program Transisi Pekerjaan untuk Perantisan TVET & Lepasan Sekolah

1 Apakah itu Program Daya Kerjaya TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) – Program Transisi Pekerjaan untuk Perantisan TVET & Lepasan Sekolah?

- Program Daya Kerjaya TVET – Program Transisi Pekerjaan untuk Perantisan TVET & Lepasan Sekolah merupakan satu insentif latihan yang merupakan **Program Latihan Peningkatan Kemahiran (Upskilling)** menerusi tanggungan bayaran latihan sehingga RM4,000 mengikut kategori persijilan yang dikhaskan kepada graduan TVET atau lepasan sekolah yang menganggur sekurang-kurangnya 2 bulan.

2 Apakah objektif dan keistimewaan Program Daya Kerjaya – Perantisan TVET dan Lepasan Sekolah?

- Meningkatkan kebolehpasaran dan peningkatan kemahiran dalam kalangan graduan TVET serta lepasan sekolah.
- Mengurangkan ketidakpadanan (*mismatch*) dalam tawaran pekerjaan dan gaji yang tidak setimpal dengan kemahiran (*underemployment*) dalam kalangan graduan TVET serta lepasan sekolah.
- Merangsang permintaan pekerjaan dalam kalangan majikan bagi meningkatkan peluang pekerjaan serta mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan TVET dan lepasan sekolah.

3 Apakah insentif yang disediakan bagi kategori pengambilan di bawah Program Daya Kerjaya – Perantisan TVET dan Lepasan Sekolah?

KATEGORI INSENTIF		GRADUAN TVET DAN LE PASAN SEKOLAH		
Syarat Kelayakan		Graduan TVET: Graduan institusi TVET yang diiktiraf oleh agensi seperti Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) atau setaraf. Lepasan Sekolah yang mempunyai tahap Pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke bawah.		
Had Umur		16 tahun sehingga 40 tahun.		
INSENTIF LATIHAN - PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN (TRAINING)				
Kelayakan Yuran Latihan	Kategori Persijilan RPEL dan Kompetensi	Kelayakan Yuran Latihan (Maksima) RM2,500	Kategori Persijilan Profesional dan Microcredential	Kelayakan Yuran Latihan (Maksima) RM4,000
Tempoh Latihan	Minimum 40 jam.			
Bilangan Permohonan Latihan	Individu boleh memohon sehingga maksimum dua (2) jenis latihan yang tertakluk kepada jumlah bayaran yuran maksimum sehingga RM4,000 mengikut kategori persijilan.			

Program Daya Kerjaya TVET - Program Transisi Pekerjaan untuk Perantisan TVET & Lepasan Sekolah

4 Apakah yang dimaksudkan dengan TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional)?

- TVET adalah proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri. Ia bertujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang-bidang yang tertentu. Skop TVET perlu berdasarkan standard pekerjaan yang diiktiraf, dengan penekanan kepada komponen praktikal, kemahiran psikomotor dan pendedahan kepada latihan di industri.

5 Bilakah tarikh kuatkuasa pekerja boleh membuat permohonan latihan di bawah program peningkatan kemahiran (*training*) ini?

- Tarikh kuatkuasa permohonan latihan peningkatan kemahiran oleh pekerja boleh dibuat mulai **1 Mei 2023 sehingga 31 Disember 2023** atau tertakluk kepada baki dana yang diperuntukkan atau sebarang keputusan terkini yang diwartakan oleh kerajaan.

6 Apakah syarat kelayakan individu yang ingin memohon program Latihan di bawah Program Daya Kerjaya TVET dan Lepasan Sekolah?

- Graduan TVET yang menganggur sekurang-kurangnya bagi tempoh 2 bulan layak memohon untuk menjalani latihan semula atau peningkatan kemahiran.
- Lepasan sekolah yang menganggur sekurang-kurangnya bagi tempoh 2 bulan layak memohon untuk menjalani latihan semula atau peningkatan kemahiran.
- Lepasan sekolah yang mempunyai tahap pendidikan SPM dan ke bawah
- Warganegara Malaysia.
- Individu yang berumur 16 tahun sehingga 40 tahun pada tarikh permohonan dibuat.
- Hanya kursus yang dikenalpasti bersesuaian dengan keperluan industri sahaja akan diluluskan.
- Tempoh minimum bagi kursus adalah 40 jam.
- Individu hendaklah berdaftar dan melengkapkan profil di Portal MYFutureJobs (medan nama, nombor kad pengenalan, alamat, tahap pendidikan dan pengalaman kerja).
- Setiap pekerja yang tersenarai dan diluluskan di bawah program ini hanya layak mengikuti kursus yang tersenarai di Portal Kerjaya Madani sahaja serta tertakluk kepada bayaran yuran maksima sehingga RM4,000 mengikut persijilan.

Program Daya Kerjaya TVET - Program Transisi Pekerjaan untuk Perantisan TVET & Lepasan Sekolah

- 7 Apakah dokumen yang diperlukan bagi permohonan program Latihan di bawah Program Daya Kerjaya TVET dan Lepasan Sekolah?**
- Salinan Kad Pengenalan (hadapan dan belakang).
 - Sijil Tamat Pengajian / Transkrip Penuh Akademik/ Surat Pengesahan Tamat Pengajian yang diiktiraf oleh MQA, JPK atau setaraf.
 - Setelah mendapat kelulusan daripada pihak PERKESO, PERKESO akan mengemukakan surat kelulusan (*Approval Letter*) kepada individu dan penyedia latihan bagi menjalani latihan tersebut.
-
- 8 Apakah tanggungjawab individu yang menghadiri latihan di bawah Program Daya Kerjaya TVET dan Lepasan Sekolah?**
- Individu perlu menghadirkan diri ke program latihan seperti kelulusan surat kelulusan (*Approval Letter*). Sekiranya memerlukan penangguhan tarikh, individu boleh berurusan dengan penyedia latihan bagi menukar tarikh latihan yang baru.
 - Individu perlu memaklumkan kepada pihak penyedia latihan sekiranya tidak dapat hadir menjalani latihan atau kursus yang telah dipersetujui dengan alasan atau sebab yang kukuh.
 - Kegagalan individu untuk melampirkan dokumen sokongan sebab tidak menghadiri latihan dengan alasan yang tidak munasabah akan mengakibatkan penangguhan bayaran kepada penyedia latihan.
 - Individu yang memohon hendaklah mengemukakan nombor telefon individu serta pasangan/waris/keluarga yang boleh dihubungi. Sekiranya nombor yang dikemukakan tidak dapat dihubungi, PERKESO berhak untuk menolak permohonan latihan tersebut.
 - Individu dan penyedia latihan hendaklah menyimpan rekod dan dokumen yang digunakan dalam permohonan sekurang-kurangnya selama 3 tahun untuk rujukan dan semakan PERKESO.
-
- 9 Adakah individu boleh menjalani latihan tanpa surat kelulusan (*Approval Letter*)?**
- **Tidak.** Individu hendaklah mendapat kelulusan surat kelulusan (*Approval Letter*) terlebih dahulu sebelum menjalani latihan seperti yang tertera di surat kelulusan.
-
- 10 Sekiranya surat kelulusan (*Approval Letter*) telah dikeluarkan oleh PERKESO, adakah individu boleh membuat permohonan pertukaran kursus yang lain?**
- **Tidak.** Individu hendaklah menghadiri latihan seperti yang telah diluluskan.

Program Daya Kerjaya TVET - Program Transisi Pekerjaan untuk Perantisan TVET & Lepasan Sekolah

- 11 Sekiranya surat kelulusan (*Approval Letter*) telah dikeluarkan oleh PERKESO, adakah individu boleh membuat permohonan lanjutan tempoh surat kelulusan tersebut?**
- **Tidak.** Permohonan lanjutan tempoh surat kelulusan tersebut hanya boleh dilakukan oleh Penyedia Latihan. Surat kelulusan (*Approval Letter*) hanya sah bagi tempoh 30 hari daripada tarikh diluluskan.
-
- 12 Bagaimanakah pembayaran latihan ini dilaksanakan?**
- Pembayaran akan dilakukan terus kepada penyedia latihan setelah latihan tamat dilaksanakan.
-
- 13 Adakah individu yang memohon perlu membuat sebarang pembayaran kepada Penyedia Latihan bagi tujuan permohonan latihan?**
- **Tidak.** Individu tidak perlu membuat apa-apa pembayaran secara terus kepada Penyedia Latihan kerana PERKESO akan terus membuat bayaran ke dalam akaun Penyedia Latihan setelah mendapat kelulusan.
-
- 14 Apakah bidang kursus yang ditawarkan bagi insentif latihan - Program Latihan Peningkatan Kemahiran (*Upskilling*) di bawah program ini?**
- Program Latihan Peningkatan Kemahiran (*Upskilling*) di bawah program ini terbuka kepada semua bidang pekerjaan dan perusahaan di negara ini.
 - Senarai penuh kursus yang ditawarkan ada disenaraikan di laman sesawang www.myfuturejobs.gov.my/ms/senarai-penyedia-latihan
-
- 15 Adakah PERKESO akan menanggung kos peperiksaan ulangan sekiranya individu gagal dalam yang telah dijalankan oleh Penyedia Latihan?**
- **Tidak.** Bagi kursus latihan yang ada melibatkan peperiksaan, PERKESO tidak akan menanggung apa jua kos bagi sebarang peperiksaan ulangan. Peperiksaan ulangan adalah peperiksaan yang perlu diduduki semula oleh individu akibat kegagalan semasa peperiksaan yang pertama.
-
- 16 Bolehkah individu membuat permohonan secara terus kepada Penyedia Latihan?**
- **Tidak.** PERKESO tidak melantik mana-mana Penyedia Latihan atau agen untuk membantu majikan atau individu membuat permohonan latihan. Setiap permohonan mestilah dilakukan oleh individu sendiri melalui Portal Kerjaya Madani sahaja.

Program Daya Kerjaya TVET - Program Transisi Pekerjaan untuk Perantisan TVET & Lepasan Sekolah

17) Adakah Penyedia Latihan boleh menggunakan khidmat pihak ketiga bagi tujuan menjalankan latihan?

- **Tidak.** Latihan tidak boleh dijalankan dengan menggunakan perkhidmatan pihak ketiga.
- Penyedia latihan adalah tidak dibenarkan sama sekali untuk meminta peserta ke latihan yang dijalankan oleh penyedia latihan lain walaupun kandungan kursus adalah sama atas dasar kerjasama bersama penyedia latihan lain.

18) Adakah penyedia latihan atau majikan dibenarkan membuat pendaftaran permohonan latihan melalui kaedah Whatsapp ataupun platform lain bagi tujuan membuat pendaftaran pengambilan ?

- **Tidak.** Mana – mana penyedia latihan atau majikan **DILARANG** membuat pendaftaran melalui medium lain selain daripada aplikasi PERKESO. PERKESO berhak menolak semua permohonan sekiranya didapati majikan atau penyedia latihan didapati membuat sedemikian.
- Sebarang permohonan bagi program peningkatan kemahiran (*training*) hendaklah dilakukan oleh individu melalui laman web rasmi (wwwkerjayamadani.gov.my).

19) Adakah PERKESO akan melakukan semakan dan pemantauan bagi penerima dan penyedia latihan program Daya Kerjaya TVET dan Lepasan Sekolah?

- **Ya.** PERKESO **berhak** untuk melakukan semakan dan pengesahan semula pada bila-bila masa mengikut kaedah yang bersesuaian terhadap mana-mana penyedia latihan atau pekerja yang telah mendapat kelulusan program peningkatan kemahiran di bawah program ini dan membuat apa-apa keputusan susulan yang sewajarnya berdasarkan hasil semakan dan pengesahan semula tersebut.
- PERKESO berhak mengambil tindakan pemantauan dengan meminta penyedia latihan atau pekerja untuk mengemukakan sebarang dokumen pembuktian berkaitan permohonan latihan serta melakukan sebarang lawatan pemeriksaan mengejut di premis latihan.

20) Apakah tindakan yang boleh diambil PERKESO sekiranya didapati maklumat program latihan yang diterima adalah palsu, tidak benar atau mempunyai unsur penipuan (*fraud*)?

- PERKESO boleh mengambil tindakan seperti berikut:
 - i. **Menolak kesemua permohonan atau menangguh dan memberhentikan bayaran** sekiranya individu atau penyedia latihan mengemukakan butir-butir atau dokumen yang palsu atau tidak benar sewaktu permohonan dibuat atau semasa permohonan diproses, juga sekiranya majikan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas;

Program Daya Kerjaya TVET - Program Transisi Pekerjaan untuk Perantisan TVET & Lepasan Sekolah



- ii. Menggantung semua permohonan daripada individu atau penyedia latihan yang sedang dalam proses siasatan berkaitan tuntutan yang disyaki palsu atau tidak benar sebelumnya.
- iii. Mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut semula bayaran yang telah dibayar sekiranya penyedia latihan telah menerima bayaran tersebut berdasarkan kepada maklumat yang palsu atau tidak benar yang telah diberikan kepada PERKESO oleh mana-mana pihak, atau individu atau penyedia latihan didapati tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan selepas penerimaan bayaran bagi program insentif tersebut.

21 Bagaimana untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan program ini?

- Kunjungi www.perkeso.gov.my atau www.myfuturejobs.gov.my untuk maklumat lanjut.
- Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian **1-300-22-8000** atau aduan secara atas talian melalui <https://epertanyaan.perkeso.gov.my>

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)
DIKEMASKINI PADA 27 APRIL 2023

Program Daya Kerjaya TVET - Program Transisi Pekerjaan untuk Perantisan TVET & Lepasan Sekolah

JADUAL 1

Tatacara Permohonan Program Daya Kerjaya TVET Program Peningkatan Kemahiran
(*Training*) oleh Individu/pekerja

Pendaftaran akaun bagi Program Daya Kerjaya di laman web PERKESO
<https://kerjayamadani.perkeso.gov.my>



Permohonan Latihan berdasarkan Ujian Psikometrik dengan pemilihan kursus latihan



Latihan diluluskan dengan mengeluarkan surat kelulusan (*Approval Letter*)



Menjalani latihan mengikut tempoh sah surat kelulusan (*Approval Letter*)
yang dikeluarkan oleh PERKESO



Selesai latihan



Penyedia Latihan mengemukakan laporan akhir dan invois untuk tuntutan



Kelulusan dan menerima bayaran kepada Penyedia Latihan